

25 MAR 2001

Agong-Bangladesh

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA PRESIDEN BANGLADESH

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Bangladesh Shahabuddin Ahmed sempena hari kemerdekaan negara itu hari ini.

"Kami yakin bahawa hubungan persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua negara akan dipertingkatkan lagi pada tahun-tahun akan datang," katanya dalam perutusan itu.

Salinan perutusan itu dikeluarkan oleh Wisma Putra di sini.

Seri Paduka baginda dan Raja Permaisuri Agong juga mendoakan Shahabuddin dikurniakan kesihatan yang baik, makmur dan bahagia serta keamanan, kemajuan dan kemakmuran yang berterusan di kalangan rakyat Bangladesh.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan yang serupa kepada rakan sejawatannya Sheikh Hasina, berkata beliau yakin bahawa hubungan antara kedua-dua negara akan terus diperkukuhkan pada masa depan.

"Malaysia dan Bangladesh menikmati hubungan persahabatan yang rapat, yang telah berkembang sejak beberapa tahun sebelum ini yang meliputi pelbagai bidang kerjasama," kata Dr Mahathir.

Sementara itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam perutusan yang sama kepada Menteri Luar Bangladesh Abdus Samad Azad, berkata beliau memandang ke hadapan untuk bekerja rapat dengan beliau untuk memperkukuhkan lagi hubungan dua hala untuk manfaat bersama.

"Saya gembira kerana Malaysia dan Bangladesh terus menikmati hubungan yang mesra sejak beberapa tahun ini," katanya.

-- BERNAMA

AFY AFY LAT